

## **BAB 4**

### **AMALAN PENYELEWENGAN OLEH PENGAMAL PENGUBATAN ISLAM DI MEDIA SOSIAL**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab empat merungkaikan objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti amalan penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial. Oleh itu, bab ini membincangkan amalan penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam berpandukan kepada Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam 2011, Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Perbomohan, kenyataan pihak berautoriti iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), fatwa yang dikeluarkan oleh mufti, pandangan pakar dan kaedah rawatan oleh badan pengamal yang diiktiraf oleh KKM.

Garis panduan ini disusun bagi menjelaskan kepada masyarakat mengenai ciri-ciri, kaedah dan bentuk pengubatan Islam dan perbomohan yang dibenarkan oleh syarak supaya dapat mengenali dan menjauhi amalan pengubatan yang bercanggah daripada segi akidah, syariah atau akhlak Islam. Hal ini demikian kerana wujudnya aktiviti perbomohan dan pengubatan yang didakwa sebagai rawatan Islam tetapi hakikatnya menggunakan kaedah-kaedah yang bercanggah dengan Islam sama ada daripada segi akidah, syariah ataupun akhlak.

Kandungan garis panduan ini telah disesuaikan untuk rujukan berdasarkan kepada Buku Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam yang dikeluarkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia

dan juga Buku Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia. Garis Panduan ini telah disemak dan diperhalusi oleh suatu Jawatankuasa dalam Bengkel Penyemakan yang telah diadakan pada 29 Rejab 1433H/19 Jun 2012M. Seterusnya telah disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil.3/2012 pada 10 Julai 2012 dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Melaka Bil.3/2012 pada 24 Julai 2012.

## **4.2 Amalan Penyelewengan oleh Pengamal Pengubatan Islam di Media Sosial**

### **4.2.1 Pengamal 1: Adi**

Pemerhatian langsung dalam talian dijalankan terhadap video-video rawatan yang dimuatnaik oleh pengamal. Terdapat kurang lebih 1500 video yang telah dimuatnaik oleh pengamal di akaun YouTube miliknya. Hal demikian menunjukkan pengamal menggunakan teknik dan kaedah yang sama dalam setiap video rawatannya. Oleh itu, tiga daripada video tersebut dibincangkan tema dan dianalisis berkaitan amalan penyelewengan dalam pengubatan Islam. Video yang dipilih adalah seperti yang berikut:

- i. **Video 1:** Keris Ibu Duit, Tengok Tok Guru Teringat Ayah, dimuatnaik pada 18 November 2022 yang berdurasi 51 minit 27 saat, jumlah tontonan setakat ini adalah 1,655.
- ii. **Video 2:** Bekas Perawat Tumbang, dimuatnaik pada 19 November 2022 berdurasi 1 jam 7 minit 18 saat, jumlah tontonan setakat ini adalah 3,992.

- iii. **Video 3:** Mimpi Kawan Sekelas Calit Minyak Wangi Pada Kerusi, dimuatnaik pada 1 Disember 2022 berdurasi 49 minit 59 saat, jumlah tontonan setakat ini adalah 1,944.

Hasil pemerhatian daripada Video 2 mendapati bahawa pengamal tersebut menyatakan bahawa dirinya telah berkecimpung dalam bidang pengubatan Islam dan melawan sihir sejak 27 tahun yang lalu. Menurutnya, jihad mengerjakan rawatan menentang sihir adalah disebabkan Malaysia tidak mempunyai akta atau undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan mengamalkan sihir. Oleh yang demikian, pengamal tersebut membantu merawat mereka yang mengalami penyakit akibat sihir.

Selain itu, pengamal tersebut juga aktif memuat naik video rawatan sejak awal tahun 2021 sehingga kini di platform media sosial iaitu YouTube. Bahkan, mendapat sambutan dan tontonan video yang tinggi dalam kalangan warga internet sebanyak 11,697,835 tontonan setakat ini. Terdapat lima percanggahan amalan pengubatan yang diamalkan oleh pengamal tersebut dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan Dan Berbomohan Menurut Islam (2012), pihak berautoriti dan pandangan pakar. Antaranya ialah:

#### **4.2.1.1 Mendakwa Mempunyai *Karamah***

Hasil pemerhatian mendapati bahawa pengamal mendakwa dirinya mempunyai *karamah* dengan ilmu rawatan yang diamalkan. Oleh itu, setiap pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan, akan ditawarkan untuk menjadi anak muridnya. Daripada Video 2 yang dimuatnaik pada minit ke-34, pengamal tersebut menyatakan kepada pesakit sekiranya ingin mempelajari ilmu rawatan daripadanya

hendaklah membaca empat surah daripada buku muqaddam dan satu surah daripada al-Quran serta membaca zikir selama lima minggu. Menurutnya, tidak ada bacaan seperti Surah Yassin dan Ayat al-Kursi. Selepas itu, pengamal tersebut menyatakan sesiapa yang sudah selesai mempelajari ilmu tersebut boleh melawan sihir, jin dan makhluk halus. Sehingga kini, pengamal tersebut telah mengijazahkan ilmu rawatannya hampir kepada 4000 orang yang telah menjadi anak muridnya. Justeru, terdapat beberapa cawangan pusat rawatan di buka seperti di Kelantan yang dikelolai oleh anak muridnya.

Pada Video 2, pengamal tersebut menyatakan bahawa ilmu yang dibawa ini adalah ilmu yang luar biasa. Kenyataannya pada minit ke-33 sepertimana yang berikut kepada salah seorang pesakit:

“Kalau ada ilmu, tak payah datang dah, sendiri boleh buat.. lepas lima minggu tamat zikir, tibai dia balik! Kasi dia balik! Biar dia rasa apa abang rasa! Ni ilmu yang luar biasa.. Apa yang luar biasa dia.. harini ijazah, hari ni dah boleh rawat.. yang saya kata kena serang tu kan, dia boleh tembak sendiri dah.. dia boleh bunuh dahh.. walaupun belum berzikir.. dengan ijazah tadi, tulah *karamah* saya..”

Daripada kenyataan ini, pengamal seolah-olah menyatakan bahawa terdapat sesuatu yang iaitu perkara ghaib yang mengganggu dan menyerang pesakit. Malah, mengesyorkan kepada pesakit untuk mendapatkan ijazah melalui amalan dalam buku yang disediakan bagi melawan sendiri gangguan tersebut. Manakala, garis panduan amalan pengobatan Islam menyatakan bahawa pengamal tidak dibenarkan untuk menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit secara terperinci seperti menyatakan bilangan jin yang mengganggu

dan sebagainya. Bahkan, pengamal dilarang untuk melakukan pengijazahan hanya melalui cakera padat, buku, internet, atau apa sahaja cara tanpa berguru.

Pengamal mendakwa bahawa dirinya mempunyai *karamah*. Manakala, menurut Mahyuddin Ismail (2011) dalam karyanya *Ahli Sihir ke Tali Gantung*, menjelaskan *karamah* adalah perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia-manusia yang soleh iaitu wali yang dikasihi-Nya dan bersifat hakiki dan benar-benar terjadi. Selain itu, ciri-ciri *karamah* ialah hanya berlaku sekali sekala dan tidak dapat diulang-ulang mengikut kehendak seseorang sebagaimana sihir yang boleh dilakukan pada bila-bila masa. Malah, *karamah* tidak dizahirkan oleh pemiliknya dan semampunya ia disembunyikan daripada pengetahuan umum. Oleh yang demikian, terdapat percanggahan daripada sudut perkara luar biasa kurniaan Allah terhadap dakwaan pengamal tersebut yang menyatakan bahawa dirinya mempunyai *karamah*.

#### 4.2.1.2 Melihat dan Menangkap Jin

Pada minit ke-42 dalam Video 2, pengamal tersebut menyatakan bahawa ilmu yang dibawanya boleh mengecilkan saiz jin. Sepertimana yang berikut:

“..ilmu ni pun boleh kecilkan jin, tapi kita tak masukkan dalam botol, kita kasi dia mampus.”

Daripada kenyataan tersebut, pengamal seolah-olah boleh melihat dan bertemu perkara-perkara ghaib seperti jin. Oleh itu, ilmu yang di bawa oleh pengamal tersebut mendatangkan keraguan. Selain itu, perkara ini bercanggah dengan garis panduan amalan pengobatan Islam yang menyatakan bahawa pengamal tidak boleh mendakwa

dapat menentukan jumlah jin atau makhluk halus yang mengganggu dan menangkap serta membuang atau memindahkan jin atau makhluk halus tersebut.

Malah, hal ini perlulah selari dengan garis panduan amalan pengobatan Islam yang menyatakan bahawa setiap pengamalan dan pengobatan yang dilakukan perlu merujuk kepada kitab al-Quran, Hadith, Ijmak dan Qias iaitu pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah bahawa jin tidak dapat dilihat apatah lagi ditangkap. Sebagaimana dalil yang berikut:

يَا بَنِي آدَمَ لَا يَفْتِنَنَّكُمُ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ أَبَوَيْكُم مِّنَ الْجَنَّةِ يَنْزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْآتَهُمَا ۗ إِنَّهُ يَرَائِكُمْ ۖ هُوَ وَقَبِيلُهُ مَن حَيْثُ لَا تَرَوُهُمْ ۗ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: Wahai anak-anak Adam! Janganlah kamu diperdayakan oleh Syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari Syurga, sambil ia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya Syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan Syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman.

(Al-Qur'an. Al- A'raf 7:27)

Selain itu, diceritakan dalam hadith Sahih al-Bukhari tentang jin Ifrit datang mengganggu Nabi ketika solat sebagaimana Abu Hurairah R.A meriwayatkan hadith yang berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّ عَفْرِيَّتًا مِنَ الْجِنِّ تَفَلَّتْ الْبَارِحَةَ لِيُقَطَعَ عَلَيَّ صَلَاتِي، فَأَمَكَّنِي اللَّهُ مِنْهُ، فَأَخَذْتُهُ، فَأَرَدْتُ أَنْ أَرْبِطَهُ عَلَى سَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ حَتَّى تَنْظُرُوا إِلَيْهِ كُلُّكُمْ فَذَكَرْتُ دَعْوَةَ أَخِي سُلَيْمَانَ رَبِّ هَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ بَعْدِي. فَرَدَدْتُهُ خَاسِمًا ". عَفْرِيَّتٌ مُتَمَرِّدٌ مِنْ إِنْسٍ أَوْ جَانٍّ، مِثْلُ زَيْنَبَةَ جَمَاعَتِهَا الزَّبَانِيَّةُ.

Maksudnya: Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya Ifrit daripada bangsa jin telah mengganguku semalam untuk memutuskan solatku. Maka Allah berikan aku kelebihan untuk mengatasinya. Kemudian, aku hendak mengikatnya di salah satu tiang masjid sehingga waktu subuh dan kalian semua dapat melihatnya. Lalu aku teringat perkataan Nabi Sulaiman A.S, “Wahai Tuhan, kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan (yang tidak ada taranya dan) yang tidak akan ada pada sesiapapun kemudian daripadaku” (Al-Qur’an; 38:35). Rauh berkata: Kemudian Baginda SAW mengusirnya dalam keadaan hina.

(Hadith. Al-Bukhāriy. Kitāb aḥādīth al-anbiyā’: Bāb qawl Allahu ta‘ālā (wawahblanā lidāwuda sulaimāna ni‘ma al-‘abdu innahu awwāb): Juz’ 60:#3423)

Oleh yang demikian, hadith ini menunjukkan bahawa Nabi SAW juga tidak mengamalkan perbuatan menangkap jin. Hal ini sebagaimana kaedah pengubatan Islam yang digunakan oleh badan pengamal yang diiktiraf oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK), iaitu Darussyifa’ menggunakan kaedah rawatan *ruqyah* iaitu bacaan ayat-ayat al-Quran yang dipilih khusus untuk merawat daripada gangguan makhluk halus, ayat meminta perlindungan Allah dan ayat menyembuhkan penyakit. Selain itu, pengamal tidak melakukan perkara-perkara yang meragukan seperti memberi kenyataan berkaitan jin seolah-olah pengamal dapat melihat rupa dan bilangan jin, malahan tidak melakukan kaedah menangkap jin dan berdialog dengan makhluk halus.

#### 4.2.1.3 Kerahsiaan Pesakit

Video 1, Video 2 dan Video 3 menunjukkan bahawa sesi rawatan diadakan di dalam suatu ruang rawatan yang telah disediakan oleh pengamal. Pengamal tersebut merakam setiap sesi rawatan yang dilakukan untuk di muatnaik ke YouTube. Video 3 menunjukkan terdapat dua orang pesakit yang tidak mahu menunjukkan mukanya. Walau bagaimanapun, rakaman video tetap dijalankan dan pesakit di lihat hanya memakai penutup hidung dan mulut untuk merahsiakan identitinya. Tetapi, semasa rawatan pesakit mengalami muntah-muntah dan akhirnya terlihat seluruh muka pesakit. Hal demikian menunjukkan bahawa pesakit tidak boleh untuk tidak bersetuju menjalani rakaman video semasa sesi rawatan dijalankan. Selain itu, Video 1 juga terdapat sepasang suami isteri yang menjalani rawatan, dan semasa sesi rawatan pengamal merawat bahagian kaki si isteri dan terlihat aurat pada bahagian kaki pesakit.

Oleh yang demikian, daripada hasil pemerhatian menunjukkan bahawa pengamal tidak menjaga kerahsiaan dan aib pesakit. Sepertimana kenyataan daripada garis panduan amalan pengubatan Islam menyatakan bahawa pengamal tidak dibenarkan mengambil atau merakam gambar menggunakan peralatan audio-visual semasa sesi rawatan dijalankan kecuali dengan kebenaran pesakit dan pengamal perlu menjaga aurat pesakit semasa sesi rawatan dengan kadar yang munasabah. Malah, sebelum sesi rawatan dijalankan pengamal hendaklah memastikan bahawa pesakit dan juga pengamal sendiri mengenakan pakaian yang menutup aurat. Selain itu, pengamal juga hendaklah memastikan pesakit dirawat di ruang yang bersesuaian iaitu pengamal perlu mempunyai premis khas untuk menjalankan rawatan iaitu tidak dijalankan secara terbuka.

Hal ini sebagaimana kaedah rawatan yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam Darussyifa' menjaga aib dan kerahsiaan pesakit dengan menyediakan bilik-bilik rawatan dan tidak membenarkan pesakit atau keluarga pesakit mahupun pengamal untuk mengambil gambar dan merakam video di ruang tersebut, lebih-lebih lagi untuk memuat naik video rawatan tersebut di media sosial.

#### **4.2.1.4 Ketidakjelasan Bacaan Ketika Rawatan**

Hasil pemerhatian melalui Video 1, Video 2 dan Video 3 menunjukkan bahawa pengamal pengubatan tersebut menggunakan kaedah rawatan yang tidak menggunakan sebarang bacaan seperti jampi daripada ayat al-Quran ataupun doa. Pengamal hanya membaca syahadah dan Basmallah pada permulaan rawatan. Pesakit pula hanya perlu berzikir menyebut kalimah 'Allah' berulang kali di dalam hati. Kemudian, pengamal menggunakan isyarat tangan pada bahagian tubuh pesakit seperti menarik dan melepaskan sesuatu. Pengamal juga menyatakan sepertimana yang demikian pada minit ke-40 dalam Video 2;

“kita tak ada baca apapun.. syahadah, bismillah..” \*kemudian menggunakan tangan seperti menarik dan melepaskan sesuatu.

Oleh yang demikian, menurut pakar amalan pengubatan Islam, Mahyuddin Ismail (2022), kaedah yang digunakan oleh pengamal tersebut adalah jurus-jurus yang biasa digunakan dalam perubatan tradisional seperti budi suci dan lain-lain yang bukan daripada ajaran Islam. Hal ini juga bercanggah dengan garis panduan amalan pengubatan Islam yang mana seorang pengamal pengubatan Islam perlu menggunakan ayat-ayat al-Quran, selawat, zikir dan doa-doa untuk jenis-jenis penyakit hendaklah

berlandaskan al-Quran, al-Sunnah, amalan *salaf al-soleh* atau ulama' muktabar serta doa-doa dalam bahasa yang difahami maksudnya. Seterusnya, memulakan sesi rawatan dengan bacaan doa atau ayat-ayat al-Quran yang jelas, serta mengikut tertib. Selain itu, pengamal hendaklah jelas bacaannya serta memahami dan mengetahui apa yang diucapkannya.

Seterusnya, Video 2 menunjukkan selepas selesai sesi rawatan pesakit di minta membuat perbezaan sama ada kesakitan yang di rasa itu masih sama seperti sebelum rawatan ataupun telah berkurang atau hilang. Sekiranya kesakitan masih di rasai oleh pesakit, pengamal akan mengulangi kaedah rawatan. Setelah itu, pesakit disyorkan untuk mempelajari ilmu merawat dan mendapatkan ijazah daripada pengamal supaya pesakit dapat merawat dirinya sendiri sekiranya masih mengalami kesakitan.

Hal ini menunjukkan bahawa pengamal menyakini bahawa ilmu yang dibawa olehnya itu semestinya berkesan untuk mengubati sesuatu penyakit. Hakikatnya, umat Islam perlu meletakkan keyakinan dan pengharapan yang mengubati penyakit hanyalah Allah dan tidak ada kuasa lain selain-Nya. Bahkan, garis panduan juga menyatakan bahawa pengamal tidak boleh melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik. Seterusnya, selain daripada doa-doa yang dibaca oleh pengamal, pesakit juga perlu mengamalkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa tertentu, serta beribadat dalam usaha untuk mengubati diri sendiri. Selain itu, pengamal hendaklah memberi nasihat kepada pesakit mengenai amalan, wirid atau doa tertentu untuk diamalkan mengikut jenis rawatan yang diterima.

Imam al-Nawawi (676H) menyebut di dalam kitabnya *Syarh Sahih Muslim*:  
“Hendaklah meninggalkan *ruqyah* jika *ruqyah* yang dibaca berasal daripada ucapan-ucapan orang kafir, membuat rawatan dengan kalimah-kalimah asing, merawat

dengan bacaan selain bahasa arab yang tidak diketahui maknanya. Semua itu tercela kerana ada kemungkinan maknanya adalah kekufuran, mendekati kekufuran atau *makruh*. Adapun membuat rawatan dengan ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir yang difahami tidaklah dilarang, bahkan merupakan amalan yang sunnah. Para ulama telah menukilkan sebagai *ijma'* tentang kebolehan membuat rawatan dengan ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir kepada Allah SWT.”

Ibn Taymīyah (728H) dalam kitabnya *Majmu' al-Fatawa* pula menyatakan sesiapa yang mengubati orang yang dirasuk jin dengan menggunakan *ruqyah* dan memohon perlindungan diri kepada Allah SWT hendaklah memiliki dua perkara, iaitu:

- i. Jika *ruqyah* dan permohonan perlindungan diri ini difahami maknanya, atau merupakan kalimah-kalimah yang dibolehkan dalam Islam, atau berupa doa dan zikir kepada Allah SWT, maka *ruqyah* tersebut boleh dilakukan. Jika demikian keadaannya, maka boleh membuat rawatan terhadap orang yang dirasuk dan memohon perlindungan diri kepada Allah SWT.
- ii. Jika dalam membuat rawatan itu terdapat ungkapan-ungkapan yang diharamkan seperti ungkapan yang mengandungi amalan syirik atau tidak diketahui maknanya dan berkemungkinan mengandungi kekufuran, maka tidak harus membuat rawatan dengannya, tidak boleh berkeinginan dan tidak boleh pula bersumpah untuk menggunakan kalimah tersebut walaupun kadang-kadang dengan menggunakan kalimah tersebut dapat menghalau jin keluar dari tubuh orang yang dirasuk. Ini kerana, apa-apa

yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya lebih besar mudaratnya berbanding manfaatnya.

Ibn Taymīyah (728H) juga menyatakan bahawa para ulama kaum muslimin melarang membuat rawatan dengan sesuatu yang tidak diketahui maknanya kerana ia dapat menjadi punca terjatuhnya seseorang ke dalam lembah amalan syirik walaupun perawat tersebut tidak menyedarinya.

Oleh itu, setiap bacaan yang digunakan dalam rawatan hendaklah bertepatan dengan syariat Islam. Sebagai contoh, kaedah yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam Darussyifa' yang menggunakan *ruqyah* daripada ayat-ayat al-Quran dan dibaca dengan jelas dan terang mengikuti hukum *tajwid* juga mengetahui maksud dan tujuan ayat yang dibaca kepada pesakit. Malah, selepas selesai sesi rawatan, pengamal juga memberi nasihat dan mengajarkan ayat al-Quran serta doa-doa tertentu daripada sunnah Rasulullah SAW untuk diamalkan oleh pesakit sebagai amalan perlindungan daripada perkara buruk dan gangguan makhluk halus.

#### **4.2.1.5 Bayaran Tinggi dan Promosi Produk**

Pengamal menetapkan bayaran atau cas rawatan mengikut jenis-jenis rawatan yang diperlukan oleh pesakit seperti RM50 untuk rawatan biasa yang dinyatakan dalam Video 2, RM250 untuk rawatan saka, RM150 untuk rawatan sihir pemisah, RM200 untuk rawatan membuang susuk dan mengikut keadaan bagi perkhidmatan memagar rumah ataupun kedai. Selain itu, pengamal tersebut juga mempromosikan produk rawatan kepada setiap pesakit yang hadir untuk mendapatkan rawatan. Antara produk yang dijual adalah seperti serbuk herba ajaib janggut dan minyak wangi kasturi asli. Adi mendakwa bahawa serbuk ajaib janggutnya dapat merawat pelbagai penyakit

seperti darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, sakit tulang belakang, psoriasis dan lain-lain lagi. Menurutnya pada minit ke-55 dalam Video 2, sesiapa yang berminat boleh menjadi agen produk serbuk herba ajaibnya perlu bermodalkan RM500. Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa pengamal telah menetapkan jumlah bayaran dan kadar bayaran yang tinggi.

Manakala, garis panduan amalan pengubatan Islam menyatakan bahawa pengamal hendaklah ikhlas iaitu mengerjakan sesuatu semata-mata kerana Allah bukan kerana untuk menunjuk-nunjuk, mendapat ganjaran kebendaan dan sebagainya. Seterusnya, pembayaran di atas perkhidmatan boleh diambil mengikut kos pengubatan, tetapi tidak membebankan pesakit dan tidak mengambil kesempatan ke atas pesakit iaitu pesakit bersetuju dengan bayaran yang dikenakan.

Selain itu, menurut pihak berautoriti JAIM, penyelewengan amalan pengubatan Islam juga termasuk aspek meletakkan bayaran tertentu sebagaimana kenyataan yang berikut:

“kemudian ada pulak yang menentukan bayaran-bayaran tertentu, haa sepatutnya kalau dia betul menjalankan perubatan ataupun rawatan Islam, benda ni mestilah dilakukan dengan ikhlas kann. Takde ditentukan berapa bayaran bayaran. Ini dia tentukan pulak buang saka 200 ringgit, buang jin ni..”

Hal ini sebagaimana pengamal pengubatan Islam Darussyifa' tidak mengenakan sebarang bayaran tertentu kepada pesakit. Pengamal melakukan kerja merawat bertujuan untuk membantu masyarakat menyembuhkan penyakit yang dialami semata-mata kerana Allah.

Oleh yang demikian, analisis video rawatan oleh pengamal tersebut terdapat perbezaan antara amalan pengubatan yang diamalkan oleh pengamal dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam Dan Perbomohan (2012) pihak berautoriti dan pandangan pakar. Perbezaan tersebut dapat di lihat sepertimana jadual 4.2.1 di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kaedah Pengubatan yang diamalkan oleh Pengamal 1: Adi</b>	<b>Garis Pandual Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam, Kenyataan Pihak Berautoriti dan Pakar</b>
1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal seolah-olah menyatakan bahawa terdapat sesuatu perkara ghaib yang mengganggu dan menyerang pesakit.</li> <li>- Pengamal mengesyorkan kepada pesakit untuk mendapatkan ijazah bagi melawan sendiri gangguan tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal tidak dibenarkan untuk menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi pesakit secara terperinci seperti menyatakan bilangan jin yang mengganggu dan sebagainya.</li> </ul>
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal seolah-olah boleh melihat dan bertemu perkara-perkara ghaib seperti jin.</li> <li>- Pengamal menyatakan mempunyai ilmu rawatan, bagi yang ingin mempelajari hendaklah membaca empat surah daripada buku muqaddam dan satu surah daripada al-Quran serta membaca zikir selama lima minggu dan tidak ada bacaan seperti Surah Yassin dan Ayat al-Kursi.</li> <li>- Pengamal menyatakan sesiapa yang selesai mempelajari ilmu tersebut boleh melawan sihir, jin dan makhluk halus dengan berkat karamahnya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendakwa dapat menentukan jumlah jin atau makhluk halus yang mengganggu dan menangkap serta membuang atau memindahkan jin atau makhluk halus tersebut</li> <li>- Setiap pengamalan dan pengubatan yang dilakukan perlu merujuk kepada kitab al-Quran, Hadith, Ijmak dan Qias iaitu pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</li> <li>- Dilarang melakukan pengijazahan hanya melalui cakera padat, buku, internet, atau apa sahaja cara tanpa berguru.</li> </ul>
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal tidak menjaga kerahsiaan dan aib pesakit dengan merakam sesi rawatan serta memuat naik di YouTube.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal tidak dibenarkan mengambil atau merakam gambar menggunakan peralatan audio-visual semasa sesi rawatan dijalankan kecuali dengan kebenaran pesakit.</li> <li>- Pengamal perlu menjaga aurat pesakit semasa sesi rawatan dengan kadar yang munasabah.</li> <li>- Sebelum sesi rawatan dijalankan pengamal hendaklah memastikan bahawa pesakit dan juga pengamal sendiri mengenakan pakaian yang menutup aurat.</li> </ul>

- 
- |  |   |
|--|---|
| <p>4. - Pengamal hanya membaca syahadah dan basmallah pada permulaan rawatan kemudian pengamal menggunakan isyarat tangan pada bahagian tubuh pesakit seperti menarik dan melepaskan sesuatu.</p> <p>- Pesakit pula hanya perlu berzikir menyebut kalimah ‘Allah’ berulang kali di dalam hati.</p> <p>- Pengamal seolah-olah menyakini bahawa ilmu yang dibawa olehnya itu semestinya berkesan untuk mengubati sesuatu penyakit.</p> | <p>- Pengamal pengubatan Islam perlu menggunakan ayat-ayat al-Quran, selawat, zikir dan doa-doa untuk jenis-jenis penyakit hendaklah berlandaskan al-Quran, as-Sunnah, amalan salaf al-soleh atau ulamak muktabar serta doa-doa dalam bahasa yang difahami maksudnya.</p> <p>- Memulakan sesi rawatan dengan bacaan doa atau ayat-ayat al-Quran yang jelas, serta mengikut tertib.</p> <p>- Pengamal hendaklah jelas bacaannya serta memahami dan mengetahui apa yang diucapkannya.</p> <p>- Pengamal tidak boleh melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik.</p> <p>- Selain daripada doa-doa yang dibaca oleh pengamal, pesakit juga perlu mengamalkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa tertentu, serta beribadat dalam usaha untuk mengubati diri sendiri.</p> <p>- Pengamal hendaklah memberi nasihat kepada pesakit mengenai amalan, wirid atau doa tertentu untuk diamalkan mengikut jenis rawatan yang diterima.</p> |
| <p>5. - Pengamal telah menetapkan jumlah bayaran dan kadar bayaran yang tinggi.</p>  | <p>- Pengamal hendaklah ikhlas iaitu mengerjakan sesuatu semata-mata kerana Allah bukan kerana untuk menunjukkan, mendapat ganjaran kebendaan dan sebagainya.</p> <p>- Pembayaran di atas perkhidmatan boleh diambil mengikut kos pengubatan, tetapi tidak membebankan pesakit</p> <p>- Tidak mengambil kesempatan ke atas pesakit.</p>   |
- 

**Jadual 4.2.1:** Perbezaan Antara Kaedah Rawatan Adi dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam, Kenyataan Pihak Berautoriti dan Pakar

#### 4.2.2 Pengamal 2: Syah

Pemerhatian melalui video yang dijalankan ke atas seorang pengamal pengubatan Islam berpusat di Kuala Lumpur yang menawarkan perkhidmatan merawat pesakit berfokuskan kepada gangguan jin atau makhluk halus. Pengamal yang dikenali sebagai Syah (nama samaran) aktif memuat naik video rawatan sejak awal tahun 2020 sehingga kini di platform YouTube. Bahkan juga mendapat sambutan dan tontonan yang tertinggi dalam kalangan warga internet. Oleh itu, senarai video rawatan yang dianalisis adalah seperti yang berikut:

- i. **Video 1:** Live Rawatan Dan Air Penawar, dimuatnaik pada 3 Disember 2022 yang berdurasi 2 jam 58 minit 36 saat, jumlah tontonan setakat ini adalah 5,768.
- ii. **Video 2:** Aku Menyesatkan Budak Hafal Quran, Dajjal Tuhanku, dimuatnaik pada 15 Disember 2022 yang berdurasi 53 minit 32 saat, jumlah tontonan setakat ini adalah 233,225.
- iii. **Video 3:** Sihir Gambar - 3 Tahun Kena (Kerasukan), dimuatnaik pada 16 Disember 2022 yang berdurasi 26 minit 48 saat, jumlah tontonan setakat ini adalah 30,227.

Perbincangan kajian mendapati terdapat tiga percanggahan amalan pengubatan yang dikenalpasti diamalkan oleh pengamal tersebut dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam, kenyataan pihak berautoriti dan pandangan daripada pakar.

Antaranya ialah:

#### 4.2.2.1 Kaedah “Scan” dan Rawatan Secara “Live”

Pengamal menggunakan platform YouTube untuk menjalankan sesi rawatan secara ‘*live streaming*’ iaitu pengamal membacakan ayat-ayat dalam Bahasa Arab dan selawat secara langsung di atas talian kepada pesakit-pesakit yang ingin menyertai *scan* atau imbasan diri secara sendirian iaitu jarak jauh. Siaran langsung atau *live* yang dibuat selama 2 jam 58 minit 36 saat iaitu Video 1 menunjukkan seramai 5.6 ribu tontonan telah menyertai dan menonton *live* tersebut.

Sesi rawatan tersebut menunjukkan bahawa pengamal membuat rawatan secara *live* dengan membaca beberapa ayat al-Quran seperti surah al-Falaq dan Ayat al-Kursi. Selain itu, pengamal membaca selawat-selawat dan beberapa bacaan di dalam Bahasa Arab, ikrar pemutus dan ayat basmallah lima. Selepas itu, pengamal menyatakan kepada penonton bahawa sesiapa yang mengalami sebarang simptom seperti muntah, kentut, rasa ingin membuang air dan berpeluh selepas sesi *scan*, dikatakan oleh pengamal bahawa orang tersebut mengalami gangguan sihir dan makhluk halus.

Selepas sesi *scan*, sekiranya terdapat penonton yang mengalami tindak balas yang kritikal seperti kerasukan, pengamal meminta untuk menuliskan nombor telefon pesakit tersebut di ruangan komen untuk dihubungi. Kemudian, pengamal menghubungi pesakit dan meneruskan kaedah rawatan melalui panggilan telefon. Menurusi panggilan telefon itu, pengamal memanggil masuk entiti yang dipercayai sebagai jin yang mengganggu pesakit tersebut masuk ke dalam tubuh pesakit. Lalu, pengamal berinteraksi dengan jin yang merasuki pesakit. Beberapa soalan ditanya kepada jin, antaranya ialah persoalan berkaitan dengan jantina, agama, jenis jin

panjang atau pendek, tujuan sihir dilakukan dan lain-lain lagi perbualan bersama jin tersebut.

Pada minit ke-49 Video 1, pengamal menghubungi pesakit yang mengalami kerasukan. Kedengaran suara seorang perempuan yang sedang menjerit kesakitan. Pengamal memanggil jin untuk hadir dalam tubuh pesakit melalui panggilan telefon. Kemudian, pengamal berkomunikasi dengan jin tersebut. Lalu, pengamal membaca selawat dan mengeluarkan jin dari tubuh pesakit. Kemudian, pesakit mengatakan bahawa dirinya telah pulih dan mengucapkan ucapan terima kasih sebelum panggilan telefon dimatikan. Pada minit ke-60 *live*, pengamal mengulangi kaedah yang sama kepada pesakit seterusnya yang dihubungi olehnya melalui panggilan telefon.

Selain itu, pada awal *live* iaitu minit ke-28, pengamal meminta penonton untuk *subscribes* (melanggan) akaun YouTube pengamal tersebut dengan bayaran RM19.90 sebulan sebagaimana kenyataannya seperti yang berikut:

“Untuk *subscribers*, setiap malam Selasa kami wajibkan untuk buat sesi *scan* dan sesi rawatan dan untuk *subscribers* ni kita akan dahulukan, kita akan lebihkan masa untuk *subscribers* ni..”

Seterusnya, sebelum menamatkan sesi rawatan *live* iaitu pada minit ke-36, pengamal tersebut mempromosikan produk baru keluarannya iaitu minyak zaitun yang dimasak dengan darah kijang untuk rawatan sihir dan lain-lain. Produk tersebut habis dijual kepada penonton secara *online* sebelum *live* selama tiga jam itu ditamatkan.

Manakala, menurut Mohd Isa Abdullah, pegawai seksyen Unit Hal Ehwal Islam, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan bahawa pihak berautoriti

iaitu Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) tidak menerima kaedah rawatan secara *online*. Hal ini sebagaimana pernyataan yang berikut:

“LAJPPI atau Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam tidak menerima *online* sebagai salah satu daripada kaedah rawatan. Maknanya tak terimalah. Maknanya orang-orang yang beramal, makna kita minta dia tinggalkan lah. Janganlah. Nak merawat aaa *one by one* ye. Depan berdepan haaa kecuali dalam kes-kes darurat yang itu lain lah. Macam katakanlah PKP memang tak boleh nak keluar rumah, sebenarnya kalau dalam PKP pun kalau kita nak keluar untuk... merawat ni boleh saja minta saja kebenaran polis, boleh bagi.”

Berdasarkan pernyataan berikut, dapat disimpulkan bahawa LAJPPI tidak mengiktiraf *online* sebagai salah satu daripada kaedah untuk merawat pesakit. Bahkan, dalam keadaan darurat sekalipun sebagai contoh ketika negara dilanda pandemik COVID-19 (*Coronavirus Disease of 2019*), pesakit boleh mendapatkan rawatan secara bersemuka dengan meminta kebenaran daripada pihak berkuasa.

Selain itu, Mahyuddin Ismail (2022) berpandangan bahawa pengamal hendaklah melakukan kaedah rawatan secara bersemuka iaitu antara pengamal dan pesakit. Hal ini sebagaimana kaedah rawatan Nabi SWT yang terkandung dalam hadith sebagaimana yang berikut:

عَنْ أَبِيهِ أَبِي لَيْلَى، قَالَ كُنْتُ جَالِسًا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . إِذْ جَاءَهُ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ إِنَّ لِي أَحَا وَجَعًا . قَالَ " مَا وَجَعُ أَحِيكَ " . قَالَ بِهِ لَمَمٌ . قَالَ " اذْهَبْ فَأْتِنِي بِهِ " . قَالَ فَذَهَبَ فَجَاءَ بِهِ فَأَجْلَسَهُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَسَمِعْتُهُ عَوَّذَهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ وَأَرْبَعِ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ الْبَقْرَةِ وَآيَتَيْنِ مِنْ وَسْطِهَا وَإِهْكُمْ إِلَهَ وَاحِدٌ وَآيَةَ الْكُرْسِيِّ وَثَلَاثِ آيَاتٍ مِنْ خَاتَمَتِهَا وَآيَةٍ مِنْ آلِ عِمْرَانَ - أَحْسِبُهُ قَالَ (شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ) - وَآيَةَ مِنَ الْأَعْرَافِ (إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ الْآيَةَ وَآيَةَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ (وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ) وَآيَةَ مِنَ الْجِنِّ (وَأَنَّهُ تَعَالَى جَدُّ رَبِّنَا مَا اتَّخَذَ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا) وَعَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ الصَّافَّاتِ وَثَلَاثِ آيَاتٍ مِنْ آجْرِ الْحَشْرِ وَ (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) وَالْمُعَوَّذَتَيْنِ . فَقَامَ الْأَعْرَابِيُّ قَدْ بَرَأَ لَيْسَ بِهِ بَأْسٌ .

Maksudnya: Daripada Abi Laila dia berkata: Saya duduk di dekat Nabi SAW, tiba-tiba ada seorang Badui datang kepadanya, lalu berkata: “Sesungguhnya saya mempunyai saudara lelaki yang sakit”. Nabi bertanya: “Apa sakit saudaramu itu?” Dia menjawab: “Dia agak gila”. Lalu beliau berkata: “Pergilah pulang, lalu datanglah kamu kepadaku dengan membawa dia”. Abu Laila berkata: Kemudian dia pergi, lalu datang dengan membawa saudaranya. Lalu Nabi mendudukkannya di depan beliau. Maka saya mendengar beliau menjampinya dengan surat Al-Fatihah, 4 ayat pertama dari surat Al-Baqarah, 2 ayat di tengah surah Al-Baqarah, *Wal ilhukum ilahun Wahid* (2:163), ayat al-Kursi (2: 255), 3 ayat terakhir surat Al-Baqarah, satu ayat dari surat Ali Imran (Saya mengira beliau mengucapkan: *Syahidallahu Annahu La Ilaha Ilia Huwa* -QS. 3: 18-), satu ayat surat Al-A'raf: *Inna Rabba kumullahu Alladzi Khalafa* (QS. 7:54), satu ayat dari surat Al-Mukminun, yaitu: *Wa Man Yad'u Ma' allahi ilahan Akhar La Burhana Lahu Bihi* (23:117), satu ayat dari surat Al-Jin, iaitu: *Wa Annahu Ta'ala Jaddu Rabbina Mattakhadza Shahiayat* terakhir surat Al-Hasyr (QS 59:22- 24), *Qul Huwallahu Ahad* (QS.112) dan surat Al Mu'awwidzain (yakni QS.113 dan 114). Kemudian orang Badui tadi berdiri, sembuh, tidak gila lagi.

(Hadith. Sunan Ibn Majah: Kitāb al-tibb: Bāb al-faza'i wa al-araki wa ma yuta'auwaza minhu Juz'31:#3548)

Selain itu, Mahyuddin Ismail (2022) menyarankan kepada pengamal untuk bertanya kepada pesakit berkaitan jenis penyakit yang sedang dialaminya sebelum sesi rawatan dimulakan. Bahkan, beliau berpendapat bahawa kaedah yang terbaik adalah sepertimana yang ditunjukkan oleh Nabi SAW untuk merawat pesakit secara

bersemuka kecuali dengan sebab-sebab tertentu. Pernyataan beliau sebagaimana yang berikut:

“..Nabi sendiri yang Allah kurniakan kashaf pun Nabi tak gunakan cara demikian Nabi nak tunjuk kepada umatnya bila kita didatangi pesakit. Kita kena tanya secara logik, aaa tanya dia apa sakit saudara kamu ini dalam perubatan moden dipanggil *history taking*. Jadi, sebab itu perlu ikut cara yang nabi tunjuk. Tanya apa sakit saudara kamu tak dibenarkan aaa kalau boleh dielakkan *scan scan* dari jauh apa penyakit orang tu penyakit orang ini tak boleh. Nabi SAW sendiri Nabi tanya apa sakit saudara kamu dan bila dah tahu penyakit itu Nabi suruh bawa datang jumpa Nabi sendiri dan inilah yang terbaik aa iaitu rawatan secara berdepan jumpa dengan pesakit macam saya kata tadi, kecuali kalau ada beberapa keadaan tertentu yang sukar untuk datang, maka dibenarkan dengan dengan syarat tidak melibatkan tidak melibatkan unsur unsur syirik, penggunaan khadam jin syaitan tak boleh dan aaa biasanya lebih kepada doa, doa yang kita doakan saudara yang jauh.”

Pengamal pengubatan Islam Darussyifa' juga melakukan rawatan secara fizikal iaitu pesakit datang ke pusat rawatan dan mengikuti prosedur yang ditetapkan seperti sesi pendaftaran dan sesi rawatan. Pesakit harus melengkapkan borang rawatan semasa sesi pendaftaran dengan maklumat berkaitan nama pesakit, nama ibu, umur, nombor kad pengenalan, alamat dan tujuan rawatan seperti gangguan, keracunan, sakit darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan lain-lain tujuan pesakit. Oleh itu, pengamal mengetahui tujuan pesakit melalui borang yang telah diisi sebelum sesi rawatan dilakukan.

#### 4.2.2.2 Panggil dan Pindah Jin

Video 2 yang berdurasi 53 minit 32 saat menunjukkan pengamal berinteraksi dengan jin yang merasuki pesakit. Pengamal melakukan tindakan yang sama terhadap jin iaitu bertanya berkaitan agama jin tersebut. Sekiranya kafir, pengamal akan meminta jin untuk memeluk Islam. Bahkan, pada minit ke-14 dan minit ke-37, menunjukkan pengamal memanggil jin lain secara bergilir masuk kedalam tubuh pesakit setelah pengamal mendakwa bahawa jin-jin tersebut telah mengganggu pesakit dan penghuni lain dalam satu madrasah tahfiz. Kenyataan ini juga hasil daripada perbualannya dengan entiti yang dipercayai sebagai jin yang merasuki pesakit. Pengamal membaca Basmallah dan menyebut “Wahai jin penjaga hamba Allah ini, hadirilah kamu disana. Hadir!”, lalu selepas itu pesakit kelihatan seperti sedang dirasuk. Pengamal telah melakukan kaedah memanggil jin masuk ketubuh pesakit sebanyak tiga kali secara bergilir dan berinteraksi dengan setiap entiti yang dipercayai sebagai jin dalam video tersebut.

Seterusnya, pengamal melafazkan syahadah dan diikuti oleh jin tersebut lalu pengamal memberikan nama-nama Islam kepada setiap jin yang telah diislamkan. Selepas itu, pengamal meminta jin untuk mengikuti lafaz ikrar sebagai perjanjian untuk tidak lagi mengganggu pesakit dan penghuni-penghuni lain dalam madrasah tersebut serta seluruh manusia lain. Sebagaimana lafaz berikut:

“Kami bersumpah dengan nama Allah, tidak akan lagi mengganggu manusia khususnya tuan aku yang baru ini.”

Selain itu, pengamal juga dilihat meminta bantuan jin untuk memastikan kesemua jin yang berada di dalam madrasah tersebut untuk keluar. Bahkan, pengamal

juga memanggil masuk jin yang mengganggu pengiring pesakit ke dalam tubuh pesakit. Hal ini selepas pengiring pesakit menyatakan bahawa terdapat gangguan dalam dirinya. Pengamal menggunakan tubuh orang ketiga (pesakit) sebagai mediator (perantaraan) antara jin yang dipercayai mengganggu orang lain (pengiring pesakit) untuk berinteraksi dengan meminta jin tersebut supaya bertaubat, memeluk Islam dan tidak mengganggu lagi.

Hal ini bercanggah dengan garis panduan amalan pengobatan Islam yang menyatakan bahawa pengamal tidak boleh mendakwa dapat menentukan jumlah jin atau makhluk halus yang mengganggu dan menangkap serta membuang atau memindahkan jin atau makhluk halus tersebut. Selain itu, pengamal tidak dibenarkan meminta pertolongan makhluk halus dalam rawatan.

Demikian lagi, menurut perbahasan Mufti Wilayah Persekutuan (2017) yang membahaskan pendapat Wahbah al-Zuhaili yang ditanya berkaitan soalan-soalan seperti “Adakah harus meminta pertolongan dengan jin muslim?; Apakah hukum meminta pertolongan dengan jin muslim untuk berkhidmat kepada orang Islam?; Apakah hukum meminta pertolongan dengan jin secara umum? Maka, Wahbah al-Zuhaili menjawab: “Haram meminta pertolongan dengan jin walau dalam apa keadaannya sekalipun dan perkara ini adalah tercela secara syarak. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنْسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Maksudnya: `Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.

(Al-Qur'an. Al-Jinn 72:6)

Oleh itu, Mufti Wilayah Persekutuan (2018) menyatakan bahawa Islam melarang umatnya daripada mengambil atau menggunakan khidmat jin apatah lagi dalam melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak. Hal ini kerana, mengambil dan meminta pertolongan daripada jin akan menjadikan mereka lebih bongkak, sombong dan bertambah kejahatannya. Manusia yang meminta pertolongan jin beranggapan bahawa jin mengetahui perkara-perkara ghaib. Tetapi pada hakikatnya, jin tidak mengetahui perkara ghaib. Hal ini sebagaimana Allah SWT berfirman tentang kisah Nabi Sulaiman A.S:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَى مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ الْجِنُّ أَن لَّو كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ

Maksudnya: Setelah Kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. Maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaulah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina.

(Al-Qur'an. Saba' 34:14)

Demikian pula, kemampuan jin mendengar berita dari langit sebelum dan selepas Nabi Muhammad SAW diutus sebagai Rasul sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَنَا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقْعَدًا لِّلسَّمْعِ فَمَن يَسْمَعِ أَلَّآنَ يَجِدُ لَهُ شِهَابًا رَّصَدًا

Maksudnya: `Padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya.

(Al-Qur'an. Al-Jinn 72:9)

Imam al-Nawawi (676H) menafsirkan ayat di atas sebagai berikut: (Dan Sesungguhnya Kami dahulu) sebelum Nabi Muhammad di utus (dapat menduduki) di langit (beberapa tempat) yang bebas dari penjagaan (untuk mendengar-dengarkan) maksudnya, supaya dapat mendengarkan berita-beritanya (tetapi sekarang barangsiapa yang (mencuba) mendengar-dengarkan berita itu) setelah Nabi Muhammad diutus (tentu akan menjumpai) menemui (panah api yang mengintai) maksudnya panah api yang disediakan untuk dilemparkan kepada para jin yang hendak mencuri berita.

Tambahan lagi, tujuan jin diciptakan adalah untuk menyembah dan beribadat kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surat Adh-Dhāriyāt:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

(Al-Qur'an. Adh-Dhāriyāt 51:56)

Imam Nawawi (676H) menafsirkan ayat tersebut: (Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku) iaitu dengan cara beribadah, baik ibadah itu dilakukan kerana patuh mahupun kerana terpaksa.

Oleh itu, jin adalah makhluk yang tidak dapat mengetahui perkara ghaib. Tujuan jin diciptakan adalah sama seperti manusia iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Kaedah rawatan yang menggunakan khidmat jin, memanggil dan memindah jin ataupun berkomunikasi dengan jin sekalipun tidak bertepatan dengan ajaran Islam.

#### **4.2.2.3 Konsultasi Kepada Pesakit**

Hasil pemerhatian daripada Video 3 berdurasi 26 minit 48 saat menunjukkan bahawa pengamal memulakan sesi rawatan dengan berkomunikasi dengan jin yang mengganggu pesakit iaitu seorang perempuan. Pengamal meminta supaya jin yang merasuk pesakit tersebut bertaubat kepada Allah dan memeluk Islam. Tetapi tindak balas daripada pesakit tersebut mengatakan tidak mahu.

Seterusnya, pengamal dan seorang lagi pembantunya mengalunkan selawat, lalu pesakit memberi tindak balas seakan tidak suka mendengar selawat tersebut. Pada minit ke-11 pengamal meminta jin yang dikatakan merasuk badan pesakit untuk mengikuti lafaz kalimah syahadah, tetapi tiada tindak balas daripada pesakit. Selepas itu, pengamal dan pembantunya membaca surah al-Fatihah dan Ayat al-Kursi. Pesakit kelihatan sedar daripada kerasukan dan pengamal mendakwa bahawa pesakit telah mengalami sihir. Oleh itu, pada minit ke-14 pengamal meminta pesakit mengikutinya untuk melafazkan ikrar pemutus sihir sebagaimana yang demikian:

“Bismillahirrahmanirrahim, bahawasanya aku dengan penuh kesedaran wakil kepada keluarga besarku, belah emak dan ayah ku membatalkan ikatan saka pusaka, sihir santau, yang terikat dengan diriku zahir batin sama ada dalam darahku atau diluar badanku bermula saat ini seandainya

mereka masuk kedalam badan kami, darah kami, jadikan darah kami ya Allah, racun berbisa, panas membakar yang menghancurkan sarang-sarang jin yang terikat dengan diriku, sukma, rohku dengan berkat Surah al-Falaq dan selawat tiga kali kepada baginda Nabi SAW, maka terbatallah ikatan ini..\*Pesakit mengikuti pengamal membaca surah al-Falaq dan selawat tiga kali

Pada minit ke-19, pengamal tersebut mengatakan bahawa terdapat seseorang telah menyihir pesakit sejak lebih kurang tiga tahun yang lalu. Pengamal juga mengatakan bahawa sihir yang dibuat adalah melalui nama pesakit untuk membuat pesakit tersebut menyukai seorang lelaki iaitu orang yang melakukan sihir tersebut. Tujuan lainnya juga adalah untuk membuat pesakit bercerai dengan suaminya, tetapi masih tidak berjaya. Hal ini sepertimana yang dikatakan oleh pesakit ketika dalam keadaan kerasukan.

Oleh yang demikian, terdapat percanggahan antara kaedah yang diamalkan oleh pengamal dengan garis panduan amalan pengubatan Islam iaitu pengamal tidak dibenarkan menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit. Pengamal telah menyatakan kepada pesakit berkaitan sebab dan punca gangguan sepertimana yang telah dinyatakan oleh jin yang mengganggu pesakit ketika dalam keadaan kerasukan. Oleh itu, pengamal seolah-olah mempercayai kata-kata jin dan menjadikan kenyataan itu sebagai konsultasi rawatan kepada pesakit.

Mohd Najib Abdullah (2022) menyatakan bahawa pengamal tidak boleh memberi konsultasi yang tidak betul kepada pesakit contohnya berkaitan dengan perkara ghaib seperti saka, jin dan lain-lain. Hal ini sebagaimana pengamal pengubatan Islam Darussyifa' yang tidak memberi konsultasi yang meragukan

berkaitan perkara ghaib sebagai contoh bilangan makhluk halus, rupa jin dan saka. Malah, lebih-lebih lagi menyatakan tujuan makhluk halus tersebut mengganggu pesakit. Bahkan, pengamal pengubatan Islam Darussyifa' tidak melakukan dialog dengan makhluk halus.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga jenis percanggahan yang dikenalpasti dilakukan oleh pengamal tersebut dengan garis panduan amalan pengubatan Islam (2011), pandangan mufti dan pakar. Hal ini sebagaimana dalam jadual 4.2.2 yang berikut:

Bil.	Kaedah Pengubatan yang diamalkan oleh Pengamal 2: Syah	Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011), Pandangan Mufti dan Pakar
1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal telah menyatakan kepada pesakit berkaitan sebab dan punca gangguan sepertimana yang telah dinyatakan oleh jin yang mengganggu pesakit ketika dalam keadaan kerasukan.</li> <li>- Pengamal seolah-olah mempercayai kata-kata jin dan menjadikan kenyataan itu sebagai konsultasi rawatan kepada pesakit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal tidak dibenarkan menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit.</li> <li>- pengamal tidak boleh menggunakan konsultasi yang tidak betul kepada pesakit.</li> </ul>
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal meminta bantuan jin untuk memastikan kesemua jin yang berada di dalam madrasah tersebut untuk keluar.</li> <li>- Pengamal memanggil masuk jin kedalam tubuh orang ketiga (pesakit) sebagai mediator (perantaraan) antara jin yang dipercayai mengganggu orang lain (pengiring pesakit) untuk berinterkasi dan meminta jin tersebut supaya bertaubat, memeluk Islam dan tidak mengganggu lagi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal tidak boleh mendakwa dapat menentukan jumlah jin atau makhluk halus yang mengganggu dan menangkap serta membuang atau memindahkan jin atau makhluk halus tersebut.</li> <li>- Pengamal tidak dibenarkan meminta pertolongan makhluk halus dalam rawatan.</li> <li>- Islam melarang umatnya daripada mengambil atau menggunakan khidmat jin apatah lagi dalam melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak.</li> </ul>
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal menggunakan media sosial melalui fungsi <i>live streaming</i> bagi tujuan scan dan rawatan.</li> <li>- Pengamal melakukan rawatan secara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) tidak menerima kaedah rawatan secara <i>online</i>.</li> </ul>

---

atas talian.

- Pengamal hendaklah mengutamakan kaedah rawatan secara bersemuka iaitu antara pengamal dan pesakit.
  - Pengamal hendaklah bertanya kepada pesakit berkaitan jenis penyakit yang sedang dialaminya sebelum sesi rawatan dimulakan.
- 

**Jadual 4.2.2:** Perbezaan Antara Kaedah Rawatan Syah dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011), Pandangan Mufti dan Pakar

#### 4.4 Rumusan

Kesimpulannya, hasil dan perbincangan kajian menunjukkan terdapat lapan amalan yang bercanggah antara kaedah rawatan yang dilakukan oleh pengamal pengubatan di media sosial dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011), Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Berbomohan Menurut Islam yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) dan Jabatan Mufti Negeri Melaka (2012), kenyataan pihak berautoriti, pandangan mufti dan pakar.

Antara percanggahan dan penyelewengan yang dikenalpasti adalah pengamal pengubatan Islam mendakwa dirinya mempunyai *karamah*, dapat melihat dan menangkap jin, tidak menjaga kerahsiaan dan keaiban pesakit, ketidakjelasan bacaan semasa rawatan, mengenakan bayaran yang tinggi, memberi konsultasi yang meragukan kepada pesakit, memanggil dan memindahkan jin dan melakukan rawatan secara siaran langsung (*live*) di media sosial.